

Di dalam satu artikel bertajuk 'EXODUS OF JEWS FROM SPAIN OTTOMAN EMPIRE-A SAFE HEAVEN FOR JEWS', menceritakan bagaimana Sultan Bayezid II anak sulung Sultan Muhammad al-Fatih yang menggantikan pemerintahnya, telah menyelamatkan Yahudi yang tinggal di Sepanyol dari dibunuh oleh Raja Ferdinand.



## 2 JANUARI 1492

Setelah Raja Ferdinand dari Aragon dan Ratu Isabella dari Castile berkahwin dan mereka menyatukan negara Sepanyol di bawah satu pemerintahan, maka akhirnya mereka berjaya menakluki Granada pada 2 Januari 1492.

## 'SPANISH INQUISITION'

Setelah kekalahan di Granada yang merupakan benteng terakhir Islam di Andalus, maka berlakulah apa yang dipanggil 'Spanish Inquisition' iaitu pemaksaan

dan penyiksaan orang Islam dan Yahudi untuk murtad dan masuk kristian. Bagi yang enggan masuk Kristian, mereka hendaklah keluar meninggalkan Sepanyol.



## UMAT ISLAM DAN YAHUDI DIUSIR

Pada bulan Julai 1492 pihak Kristian mengusir Umat Islam dan Yahudi yang enggan murtad keluar dari Sepanyol. Kejadian ini menjadi ancaman kepada Yahudi dan Islam yang berada di Sepanyol.



## TENTERA LAUT UTHMANIYAH

Peristiwa ini menyebabkan Sultan Bayezid II menghantar angkatan Tentera Laut Uthmaniyyah di bawah Laksamana Kemal Reis ke Sepanyol untuk menyelamatkan dan memindah orang Yahudi dan Islam ke Negara Uthmaniyyah.



## 150 RIBU YAHUDI DISELAMATKAN

Lebih 150 ribu pelarian Yahudi berjaya dibawa untuk mendapat perlindungan di bawah Empayar Uthmaniyyah. Bahkan Sultan Bayezid II mengarahkan kepada seluruh wilayah Eropah di bawah Uthmaniyyah untuk menyambut baik kedatangan Yahudi ini.

## DISAMUN DAN DIROMPAK

Ramai orang Yahudi yang cuba berhijrah dengan kapal lain, namun mereka disembelih oleh lanun yang merompak mereka ditengah perjalanan. Tetapi Yahudi yang dibawa oleh kapal-kapal Uthmaniyyah, mereka terselamat dan hidup aman di Tanah Uthmaniyyah berabad-abad lamanya selepas itu. Lanun, tidak berani menyerang kapal Tentera Laut Uthmaniyyah ini. (Sila rujuk website: [artichaeology.com/expelling-of-jews-from-spain](http://artichaeology.com/expelling-of-jews-from-spain))



## YAHUDI SEPHARDI

Setelah orang Yahudi ini dipindahkan ke Uthmaniyyah mereka banyak menempatkan diri di beberapa wilayah antaranya Istanbul, Edirne, Salonika, Safed dan Izmir. Kawasan-kawasan ini menjadi tempat perkembangan budaya Yahudi Sephardi yakni Yahudi yang berasal dari Sepanyol. (Sila Rujuk artikel bertajuk JEWISH LIFE IN ISTANBUL FROM THE OTTOMANS TO MODERN TIMES di web [istanbultarihi.ist](http://istanbultarihi.ist))

## BERCAMPUR DENGAN MASYARAKAT TEMPATAN

Yahudi Sephardi yakni Yahudi Sepanyol ini tidak diasingkan dari bercampur dengan masyarakat tempatan. Bahkan mereka hidup di kalangan rakyat Uthmaniyyah yang lain.




## PENGAJARAN



Umat Islam tidak boleh lemah



Bangsa lain juga selamat jika Islam memerintah



Haram bagi kita menindas orang lain

## الإسلام يعلو ولا يُعَلَى

"Islam itu tinggi tidak ada yang boleh lebih tinggi darinya."

[Hadis Hasan riwayat al-Baihaqi]